

19 JUL 2000

Wawancara-Teks (Embargo: 9 malam 19 Julai)

TEKS PENUH WAWANCARA KHAS DENGAN PM MENGENAI ISU AL MA'UNAH

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Berikut ialah teks penuh wawancara khas Bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai peristiwa rompakan senjata tentera oleh kumpulan Al Ma'unah dan pembunuhan dua tebusan mereka. Wawancara ini disiarkan oleh RTM 1 dan TV3 malam ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya Datuk Dr Firdaus Abdullah menjadi perantara wawancara itu manakala anggota panel terdiri daripada Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu, Datuk Khalid Mohamed dan Pengurus Besar Kanan Berita dan Ehwal Semasa TV3, Chamil Wariya.

Soalan: Perkara utama yang akan menjadi tumpuan perbincangan ialah peristiwa rompakan senjata di Kem 304 Batalion Askar Wataniah, Gerik dan penganiayaan dan kekejaman yang dilakukan oleh perompak di Bukit Jenalek, Sauk, yang terjadi kira-kira dua minggu lalu.

Walaupun semua perompak itu telah ditangkap dan tindakan tidak waras mereka telah ditumpaskan dan keadaan telah aman dan normal kembali, namun peristiwa di kem tentera Gerik dan Bukit Jenalek, Sauk itu tidak syak lagi adalah satu peristiwa yang menggemparkan, membimbangkan dan juga membingungkan.

Tetapi kerana keadaan sekarang telah pulih kembali dan penjenayah-penjenayah terlibat telah ditangkap, mungkin rasa gempar dan bimbang kita itu telah dapat diatasi. Tetapi kita masih lagi merasa bingung dan musykil bila memikirkan bahawa di zaman yang serba moden dan canggih dengan kemajuan sains dan teknologi yang sangat mengagumkan sekarang masih terdapat kumpulan-kumpulan yang begitu mudah terpedaya dengan ajaran sesat, tarikan tahyul dan tindakan yang tidak waras.

Inilah antara persoalan-persoalan yang akan kita kemukakan kepada Datuk Seri. Kalau boleh saya mula dengan menanyakan reaksi awal Datuk Seri sebaik sahaja diberitahu peristiwa itu dan maklumat perkembangan terakhir mengenai perkara ini?.

Jawapan: Yang pertamanya apabila saya dapat panggilan telefon daripada (Menteri Pertahanan) Datuk Seri Najib (Tun Razak) memberitahu kepada saya bahawa satu kumpulan lebih kurang 15 orang telah merompak dan mengambil senjata yang begitu banyak dari kem (tentera) kita di Gerik, saya berasa terkejut kerana ini bukanlah sesuatu yang biasa berlaku di negara kita. Saya khuatir sama ada ini adalah permulaan sesuatu yang lebih besar, iaitu secara terancang akan ada satu pemberontakan di negara kita dan ini mungkin akan membawa banyak kematian, pembunuhan dan sebagainya. Saya amat terkejut kerana ini bukan sesuatu yang biasa berlaku di negara kita.

Soalan: Maklumat terakhir macam mana Datuk Seri?

Jawapan: Sekarang ini kita dapat mengenal pasti siapa melakukannya dan apa tujuan mereka dan mungkin juga reaksi yang tidak menyenangkan iaitu ada pihak-pihak yang cuba menimbulkan perasaan benci di kalangan orang bukan Islam dan juga kepada orang Islam, dan ini berlaku di Sarawak, umpamanya. Kita sedang mengawasi perkara ini kerana inilah yang kita amat takut.

Soalan: Bolehkah dikatakan ini tak berasas, Datuk Seri, kerana kebimbangan Datuk Seri kalau-kalau ini merupakan satu permulaan pemberontakan, setelah mendapat maklumat-maklumat terakhir, boleh dikatakan tak berasas?

Jawapan: Ini tak berasas kerana pada mula memang kita tak tahu setakat

mana dia akan menjadi buruk.

Soalan: Datuk Seri, barangkali memang rakyat terkejut kerana inilah pertama kali dalam sejarah pasca-Merdeka satu kumpulan merompak kem tentera dan bercadang untuk menggunakan untuk menjatuhkan kerajaan dan pemimpinnya. Boleh Datuk Seri beritahu dan terfikirakah mengapa perkara ini berlaku sekarang?

Jawapan: Sekarang ini saya berpendapat ia bermula dengan usaha untuk memburukkan kerajaan khususnya menuduh bahawa kerajaan ini adalah kerajaan yang tidak Islam. Dengan tidak ada asas sama sekali membuat tuduhan-tuduhan yang sudah tentu akan menimbulkan perasaan marah di kalangan orang Islam yang berharap bahawa negara ini akan mengikuti cara-cara yang mereka anggap sebagai pemerintahan Islam. Jadi bermula dengan menuduh kerajaan ini tidak Islam.

Soalan: Menurut Datuk Seri sendiri, kumpulan ini bertujuan untuk menjatuhkan kerajaan dan pemimpin-pemimpin kerajaan termasuk Datuk Seri sendiri sebagai Perdana Menteri? Apakah kejadian itu berlaku kerana kempen membenci kerajaan yang sedang dilakukan pihak tertentu?

Jawapan: Ya, berpunca dengan tuduhan bahawa kerajaan ini tidak Islam maka untuk mendapat sokongan bagi pihak tertentu, mereka memulakan kempen membenci kerajaan kerana kononnya tidak Islam. Mereka memupuk perasaan kebencian, kemarahan ini sekian lama, 20, 30 tahun dan dalam jangka masa itu sudah ada orang yang betul-betul berasa benci yang meluap-luap kepada kerajaan. Seperti mana kita tahu sesuatu yang dipupuk semasa kita kecil akan melekat menjadi sebahagian budaya kita apabila kita membesar dan sukar bagi kita untuk menukar pendirian itu atau fahaman itu.

Perasaan benci ini terdapat berperingkat-peringkat; ada yang semata-mata membenci tetapi tidak akan membuat apa-apa, ada yang setakat menolak parti kerajaan dalam pilihan raya tetapi tentu akan ada orang yang terlalu ekstrim, terlalu marah sehingga sanggup untuk menggulingkan kerajaan, sanggup membunuh, sanggup menyeksa sedangkan mereka adalah orang biasa yang bukan pembunuh dan bukan kaki menyeksa orang. Tetapi kerana terlalu benci, kebencian yang dipupuk terhadap kerajaan ini sekian lama, maka mereka sampai ke tahap sanggup membunuh dan mengambil tindakan untuk menggulingkan kerajaan secara kekerasan.

Soalan: Datuk Seri, kumpulan ini merasakan kerajaan yang ada sekarang tidak cukup Islam tetapi Islam yang macam manakah Datuk Seri yang betul untuk kita rakyat Malaysia?

Jawapan: Tuduhan bahawa kerajaan ini tidak Islam mudah dibuat tetapi kalau kita lihat lebih 50 negara yang dianggap sebagai negara Islam, ahli OIC (Pertubuhan Persidangan Islam), umpamanya, kalau kita perhatikan tidak ada banyak perbezaan antara kita dengan mereka. Mereka juga membenar perbuatan-perbuatan kerana keadaan.

Di Malaysia ini kita tahu penduduk kita terdiri daripada 40 peratus terdiri daripada bukan Islam. Jadi kalau kita membuat sesuatu tindakan yang mencetuskan huru-hara dalam negara kita kerana tentangan oleh pihak lain, ini juga dilarang oleh Islam. Dan ini menunjukkan bahawa kita mematuhi ajaran Islam yang berkehendak supaya sederhana dalam tiap-tiap sesuatu yang kita buat untuk Islam.

Islam memberi banyak kelonggaran kepada kita mengikut keadaan. Umpamanya, dalam sembahyang, kalau kita tak boleh berdiri tak mengapa kalau kita duduk, tak boleh duduk tak mengapa kalau kita tidur, dan juga kalau kita tidak menghadap kiblat kita masih boleh sembahyang kerana Islam tidak keras dalam menjalankan arahannya melainkan ianya mengambil kira keadaan yang sebenar.

Orang Islam yang hidup sebagai minoriti di negara-negara lain tidak

boleh membuat banyak perkara yang dikehendaki olehnya tetapi mereka masih Islam kerana mereka membuat amal ibadat dan menunaikan segala yang diwajibkan oleh agama Islam.

Soalan: Nampak satu ironi dalam tindakan mereka dan juga menyedihkan. Mereka, Al Ma'unah mendakwa berjuang untuk menegakkan Islam tetapi tanpa disedari mereka juga melakukan tindakan yang bercanggah dengan Islam seperti membuat penganiayaan terhadap orang yang tak berdosa. Imej yang mereka berikan kepada Islam ialah imej militan, yang tidak rasional?

Jawapan: Apabila seseorang itu terlalu marah, walaupun niatnya ialah untuk memperjuangkan sesuatu tetapi ia mungkin menyeleweng daripada kehendak perjuangannya. Kalau dia pegang kepada ajaran Islam yang sebenar, mereka akan tahu bahawa mereka tidak harus mengambil tindakan membunuh, menyiksa orang.

Orang ini tidak membuat sesuatu apa kepada mereka. Kalau mereka ini terdiri daripada musuh yang menyerang mereka maka mereka berhak melawan dengan musuh. Tetapi orang ini adalah pegawai keselamatan yang menjaga keselamatan mereka dan keselamatan kita juga. Jadi, apabila terlalu marah, mereka sudah tidak lagi patuh kepada ajaran Islam supaya rasional, supaya adil dalam tindakan mereka, supaya sederhana dan sebagainya. Mereka sudah lari daripada ajaran Islam yang sebenar.

Soalan: Saya ingin mengaitkan, mereka juga mengaitkan perjuangan mereka dengan jihad. Memang dalam Islam ada jihad tetapi jelas di sini bahawa konsep jihad disalahgunakan. Apakah satu jihad untuk merompak senjata tentera, kemudian membunuh?

Jawapan: Kita patut berjihad sebagai orang Islam tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu dan dengan tujuan-tujuan tertentu. Kita tidak boleh halalkan tindakan jenayah kita dengan berkata bahawa ini adalah jihad. Membunuh dan menyiksa orang yang tidak berbuat sesuatu apa pun kepada kita bukanlah termasuk dalam perhitungan jihad.

Sebaliknya, memperjuangkan nasib orang Islam, menjayakan mereka, membangunkan mereka, itu adalah satu jihad.

Bagi saya apabila kita cuba melengkapkan orang Islam dengan segala ilmu, kecekapan, kepandaian supaya mereka mampu mempertahankan umat Islam daripada dianiaya, ditindas oleh orang yang bermusuhan dengan Islam seperti di Bosnia, di Kosovo, itu adalah satu jihad.

Tetapi apabila satu kumpulan berperang, berlawan dengan orang Islam lain dan berkata bahawa mereka berjihad, tidak kena sama sekali daripada tafsiran berjihad. Orang seperti ini biasanya mereka bermula dengan berkata bahawa walaupun orang itu Islam tetapi sebenarnya dia tidak Islam, dia adalah kafir. Apabila dia dianggap kafir maka mereka anggap darah orang ini sudah dihalalkan bagi mereka. Ini permulaannya. Mereka dikatakan berhijrah daripada kumpulan orang Islam, keluar dari kumpulan majoriti kerana katanya majoriti orang Islam tidak Islam. Mereka sahajalah yang Islam. Sekarang oleh kerana mereka Islam dan majoriti tidak Islam, maka dihalalkan untuk mereka bertindak terhadap orang Islam yang sudah dikafirkan oleh mereka.

Kita tengok peristiwa ini selalu berlaku apabila sekumpulan kecil orang Islam hendak menghalalkan tindakan jenayah mereka terhadap kumpulan orang Islam yang ramai, maka mereka bermula dengan berkata orang ini bukan Islam tetapi kafir dan kami boleh bunuh mereka.

Soalan: Kerajaan telah melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam bagi satu tempoh yang sudah lama. Yang membingungkan saya ialah orang Melayu yang beragama Islam hari ini adalah golongan yang terpelajar, dari segi agama juga, kenapa mereka bertindak begitu, kenapa mereka masih tertarik kepada ajaran karut dan hal-hal lain yang sesat?

Jawapan: Sementara kerajaan cuba memupuk nilai-nilai Islam terutama

dalam khidmat kerajaan, ada pihak lain yang tidak suka kalau kita menerapkan nilai Islam bermaksud bahawa kita menerap nilai seperti beramanah, ikhlas, bertanggungjawab, berpegang kepada ikrar dan nilai-nilai mulia yang memang pun menjadi nilai Islam. Kalau kita menerapkan nilai-nilai ini, nescaya kita akan menjadi satu kumpulan, satu ummah yang baik.

Mereka ini mempunyai hasrat lain, kalau semua orang menjadi baik, maka mereka tidak dapat menjayakan hasrat mereka. Sebab itu mereka cuba berusaha untuk menyelewengkan hasrat kerajaan dengan membawa ajaran yang menimbulkan kebencian kepada kerajaan kononnya inilah nilai-nilai Islam.

Umpamanya, kadang-kadang di kalangan pegawai kerajaan mereka diberitahu bahawa kerajaan yang mereka sertai ini tidak Islam bahkan dianggap sebagai tidak menjalankan hukum-hukum Islam terutamanya hukum hudud. Dengan itu mereka tidak perlu berasa bersalah kalau mereka tidak pegang kepada janji dan ikrar mereka untuk berkhidmat kepada Kerajaan. Dan dihalalkan bagi mereka membuat sesuatu yang bertentangan dengan hasrat kerajaan dan daripada itu tumpuan diberi kepada membencikan Kerajaan.

Untuk melawan dengan kerajaan, kalau mereka menjadi golongan yang kecil dan tidak mampu melawan sebenarnya, mereka mencari kuasa ghaib seperti ilmu kebal, boleh mandi minyak, orang tak nampak. Ini semua khayalan, tidak ada dalam Islam ilmu yang macam ini. Kita boleh baca ayat Quran tetapi ia tidak memberi kepada kita kebolehan yang lebih daripada yang terdapat pada Nabi (Muhammad SAW) sekalipun kerana kita tahu Nabi juga cedera, Saidina Hamzah dibunuh di Jabal Uhud. Jadi mustahil orang yang ada di Malaysia ini kononnya boleh jadi kebal kerana mereka belajar ilmu. Tujuan mereka belajar ilmu ialah kerana mereka ingin buat sesuatu yang mereka tahu tidak boleh berjaya tetapi mereka perlu kepada suatu kuasa yang lebih, yang luar biasa, dengan itu mereka memberanikan diri mereka. Tetapi mereka sebenarnya adalah pengecut. Orang yang betul-betul berani sanggup menghadapi bahaya, merancang bagaimana mengatasi masalah dan mencapai matlamatnya. Tetapi orang ini dia takut, untuk menguatkan semangat dia mencari kuasa yang lebih daripada yang biasa. Dengan itu kononnya dia berani, tapi dia sebenarnya takut kerana kalau dia sedar dia tidak ada kekuatan itu, maka dia tak berani berbuat apa-apa.

Soalan: Sehubungan dengan tindakan tidak wajar ini Datuk Seri, satu lagi ironinya, mereka memberanikan diri merempuh masuk kem tentera dengan menyedari akibat yang boleh berlaku tapi, kemudian dan tidak lama selepas itu, mereka melarikan ke suatu tempat yang mudah dikepung. Ternyata ini suatu tindakan yang tidak mempunyai perhitungan sama sekali. Jadi apakah yang mendorong mereka melakukan tindakan tidak waras dan "suicidal". Jika mereka melarikan diri sebab kalau lari ke tempat yang mudah bersembunyi atau dipecahkan kumpulan barangkali dapat diterima akal tetapi setelah merempuh pos senjata dan lari ke kawasan yang mudah dikepung, jadi jelas "suicidal" dan tidak waras?.

Jawapan: Inilah akibat sifat yang ada pada orang yang percaya kepada kepercayaan karut. Mereka memberanikan diri kerana kononnya mereka tak lut kerana mereka kebal. Kita tahu orang yang kebal ni berani, berani kononnya dia kebal. Dia tak mengelak daripada diserang oleh orang kerana dia tahu dia tak boleh dibunuh. Jadi orang yang kebal ni tak mengelak, dia terus mengadap dan kita tahu dari sejarah peperangan di Khartoum umpamanya, apabila orang Darwish ini pusing ligat sehingga kononnya mereka kebal mereka menyerang tentera dan semuanya ditembak mati kerana kebodohan mereka memikir bahawa mereka adalah kebal.

Demikian juga mereka yang pergi ke Jenalek. Mereka percaya bahawa mereka tidak dapat dilihat oleh orang lain dan tentera, tentera tidak boleh dengar apa yang mereka kata, tentera tidak boleh tembak mereka, sebab itu mereka tidak mencari tempat yang betul-betul selamat bagi mereka. Mereka

dengan kebodohan, bukan keberanian, tapi kebodohan mereka mencari satu tempat yang mudah dikepung dan dengan itu mereka ditewas. Ini datang daripada khayalan bahawa mereka mempunyai satu kuasa ghaib yang tidak ada pada orang lain.

Soalan: Hubungan Islam dan bukan Islam berikutan tragedi Sauk. Kita kena akui tindakan penjenayah membunuh dua tebusan yang bukan Islam itu mula menimbulkan keraguan di kalangan bukan Islam apakah apabila berlaku kejadian seperti ini, mereka akan ditembak? Apakah yang dapat ditafsir daripada tindakan penjenayah itu dan apakah jaminan kerajaan bahawa hubungan baik (orang) Islam dan bukan Islam di negara ini boleh dikekalkan dan dipertahankan?.

Jawapan: Yang pertamanya, mereka ini (kumpulan penjenayah) berpendapat membunuh orang bukan Islam diizinkan oleh agama Islam. Itu tidak benar. Kita boleh bunuh sesiapa yang betul-betul bermusuhan dengan kita dan cuba membunuh kita. Orang ini tidak cuba membunuh, mereka hanya jadi pegawai keselamatan. Kalau dalam peperangan, dalam pertempuran, lain, tapi ini bukan pertempuran, mereka sengaja menangkap, menyeksa dan membunuh. Ini ditegah oleh agama Islam.

Tetapi akibatnya ialah timbul perasaan keraguan di kalangan orang bukan Islam bahawa ada niat orang Islam untuk menganiaya dan membunuh mereka. Ini tidak sihat dalam sebuah masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia.

Selama ini kerajaan telah memupuk perasaan muhibah, perasaan persaudaraan di kalangan penduduk berbagai kaum kerana kita perlukan keamanan untuk kesejahteraan hidup semua bangsa di negara kita dan ini telah kita capai. Tetapi mereka itu tidak sama sekali menghargai perpaduan kaum yang terdapat dan mereka berbuat sesuatu yang mereka tahu akan menimbulkan perasaan tidak senang hati di kalangan orang bukan Islam. Kononnya ada orang Islam yang ingin melakukan jenayah terhadap mereka.

Soalan: Datuk Seri, di negara kita ini hendak mencetuskan pergaduhan adalah satu perkara yang mudah. Kita cuma perlu melagakan orang Cina dengan Melayu, orang Islam dengan bukan Islam. Saya tidak dapat bayangkana apa akan berlaku sekiranya ada anggota al Ma'unah ni yang terlepas dari Sauk, datang ke Kuala Lumpur dengan segala senjatanya dan mula membuat kacau bilau di ibu negara. Bagaimana kita hendak mengelak perkara macam itu daripada berlaku?

Jawapan: Kalau untuk mengelakkannya, kita perlu bermula daripada mula iaitu menghapuskan usaha untuk menimbulkan kebencian yang tidak berasas ini. Saya tak faham kenapa benci kepada kerajaan dan pemimpin kerajaan sehingga mereka tidak boleh berfikir secara waras. Itu permulaannya, sudah tentu kerajaan bertanggungjawab untuk menjaga keamanan dan untuk ini kita mempunyai peralatan dan persediaan yang cukup, tetapi di masa yang sama, kita perlu memberi penjelasan kepada semua rakyat, semua kaum dan semua agama bahawa kerajaan ini tidak akan membenarkan segala perbuatan seperti ini berlaku di negara kita. Kalau ia berlaku maka kita akan ambil tindakan sewajarnya supaya ia dapat dibanteras dan tidak akan berlaku lagi.

Soalan: Betulkah Datuk Seri laporan yang menyatakan bahawa beberapa orang anggota kumpulan itu memang terlepas, berada di Kuala Lumpur dan memang telah berusaha untuk cetuskan kekacauan?

Jawapan: Mereka sebenarnya bukan terlepas. Kita dapat maklumat awal iaitu sekumpulan tiga atau lima orang telah membawa satu senjata iaitu M16 rocket launcher keluar daripada Sauk. Mereka mempunyai rancangan yang lain dan tujuan mereka ialah untuk mencetuskan huru-hara dengan menembak sesuatu tempat yang akan menimbulkan keraguan bahawa negara kita ini selamat. Mereka sebenarnya membawa M16 ini keluar. Ada juga laporan bahawa mereka menembak sebuah kuil, mereka menembak kilang Carlsberg. Tetapi mereka tidak

tahu menggunakan senjata itu dengan berkesan, jadi tidak ada apa-apa berlaku.

Kerajaan mengaku kita tidak melaporkan perkara ini sehingga saya sebut ini kerana kita tidak nak rakyat merasa gelisah sedangkan kita mampu menanganinya.

Yang terlepas itu sudah ditangkap semuanya dan senjata itu pun sudah dapat balik. Polis dengan cepat mengenal pasti siapa yang terlibat dan dapat menentukan di mana disembunyi senjata itu. Sebenarnya senjata itu ada di Sungai Petani.

Soalan: Masyarakat kita segelintirnya agak pelik. Sekarang ada yang mengatakan bahawa apa yang berlaku itu dirancang oleh kerajaan, disebut sebagai sandiwara Umno. Apa yang sebenarnya yang berlaku? Apakah kerajaan terlibat dalam rompak di Gerik?

Jawapan: Awal-awal lagi saya sudah sebut bahawa akan ada percubaan untuk white wash, untuk membersihkan perbuatan jenayah ini. Sekarang kita sudah lihat untuk melindungi diri mereka yang secara langsung (atau) tidak langsung bersimpati atau terlibat dengan gerakan ini, mereka buat tuduhan kononnya ini dirancang oleh kerajaan. Ini adalah satu tuduhan yang agak pelik kerana tak masuk akal sama sekali. Untuk merancang ini, kita perlu bekerjasama dengan seorang penjenayah yang benci amat sangat kepada kerajaan dan menyuruh dianya membuat sesuatu yang mendedahkan dirinya kepada kemungkinan ia dibunuh atau jika ditangkap mungkin dikenakan hukuman yang amat berat sekali. Kalau kita nak suruh orang macam ini, berbuat sesuatu untuk kerajaan dianya mestilah seorang penyokong kuat yang betul-betul setia kepada kerajaan. Tetapi tak ada bukti sama sekali bahawa mereka ini adalah penyokong kuat kerajaan. Sebaliknya mereka bersimpati, ada tanda-tanda mereka bersimpati dengan parti lawan. Apakah orang parti lawan akan mengorbankan kepentingan diri mereka untuk kepentingan sandiwara kerajaan ini.

Kita tak boleh bersandiwara. Lagipun ini sudah melibatkan pembunuhan, penyeksaan. Ini bukanlah sesuatu yang boleh dirancang oleh orang lain untuk dilakukan oleh orang lain. Ini adalah perbuatan orang itu sendiri.

Soalan: Kononnya tujuan sandiwara itu ialah untuk memberi laluan kerajaan untuk bertindak ke atas parti-parti politik pembangkang khususnya Pas, kononnya kerajaan nak menggunakan peristiwa ini untuk melarang parti politik termasuk Pas menggunakan nama Islam pada nama parti itu. Saya ingin bertanya Datuk Seri kalaupun kerajaan ingin melarang parti politik menggunakan nama Islam apakah perlu dicari justifikasi sedemikian rupa?

Jawapan: Tak perlu sama sekali kerana kita sudah berkali-kali berkata penggunaan perkataan Islam dalam nama parti ini mengelirukan rakyat sehingga mereka membuat tindakan yang sebenarnya tidak bijak dan bahkan bertentangan dengan agama Islam. Kita tidak perlu mengadakan satu pembunuhan untuk membuat justifikasi kepada tindakan itu. Saya fikir rakyat sedar tentang keburukan yang sedang berlaku, yang bermula sedikit sahaja tetapi sekarang sudah membesar sehingga menjadi masalah besar kepada kita.

Kalau dahulu penggunaan perkataan Islam pada nama parti itu tidak mempunyai banyak kesan kerana orang tahu bahawa ianya ialah parti politik dan bukannya agama, tetapi sekarang sudah sampai ke tahap yang mana parti itu berkata parti itu adalah Islam dan Islam itu adalah parti. Ini bertentangan sekali dengan ajaran Islam kerana kita tahu agama disisi Allah ialah Islam. Tak ada pun agama disisi Allah ialah Islam dan parti tertentu, tak ada.

Sekarang kita dah sampai kepada tahap yang amat berbahaya yang melibatkan akidah dan juga melibatkan bahaya kepada keselamatan negara.

Soalan: Apakah kerajaan akan mengharamkan penggunaan perkataan Islam

dalam nama parti politik?

Jawapan: Kita sedang meneliti perkara ini kerana kita tidak bertindak dengan tergesa-gesa dan tanpa alasan. Tetapi rakyat perlu tahu bahawa mereka sebenarnya terdedah kepada bahaya yang amat besar terhadap akidah mereka, kepercayaan kepada agama Islam dan juga bahaya kepada keselamatan diri mereka.

Soalan: Boleh Datuk Seri terangkan apa langkah-langkah beri penerangan untuk elak ini berlaku?

Jawapan: Kumpulan yang menyeleweng daripada ajaran Islam, yang cuba kembangkan tafsiran mereka sendiri memang banyak di negara kita, ada juga kumpulan tertentu yang mempunyai tujuan-tujuan yang mungkin membawa kerosakan kepada negara. Tetapi tindakan yang diambil terhadap mereka bergantung kepada apa yang dilakukan oleh mereka. Jika kita dapati apa yang dilakukan ataupun perjuangan mereka ialah untuk merosakkan negara, kita akan ambil tindakan. Jika mereka lakukan jenayah maka undang-undang akan berjalan seperti biasa, mereka dihadapkan ke mahkamah kerana melakukan jenayah itu.

Yang menjadi masalah ialah ada pihak yang sementara melaungkan mereka hendakkan "rule of law " atau pemerintahan mengikut undang-undang tetapi bila undang-undang itu dikenakan kepada diri mereka atau orang yang disayangi oleh mereka, maka mereka tidak ingin supaya undang-undang itu dikuatkuasakan. Ini berbeza sama sekali dengan pendapat kerajaan kerana kerajaan biasa membenarkan anggotanya dituduh di mahkamah dan dihukum mati. Kita tidak pertahankan walaupun ini adalah rakan karib kita. Undang-undang tidak kenal siapa kawan ataupun lawan.

Soalan: Tindakan ke atas penjenayah? Terdapat banyak lagi kumpulan lain, macam mana nak menangani atau menghadapinya?

Jawapan: Kumpulan lain kadang-kadang mereka tidak menjadi bahaya. Kita perlu kaji kegiatan mereka, hasrat mereka dan gerak-geri mereka. Umpamanya kumpulan silat hanya ingin mempelajari ilmu mempertahankan diri. Ini tidak salah tetapi kalau tujuannya lain daripada itu, memang salah dan kita akan ambil tindakan terhadap mereka. Tetapi kita perlu mengetahui sedalam-dalamnya apa sebenarnya hasrat mereka.

Soalan: Di samping tuduhan semua ini adalah sandiwara Umno dan kerajaan, kini satu perbuatan yang lebih membimbangkan dan bahaya sudah berlaku iaitu sudah terdapat beberapa buah masjid sembahyang hajat dan gunakan khutbah Jumaat untuk tuduh kerajaan rancang semua ini dan berlaku zalim ke atas kumpulan Al Ma'unah yang matlamatnya kononnya untuk menubuhkan sebuah negara Islam mengikut kefahaman dia. Apakah tindakan kerajaan ke atas perbuatan-perbuatan yang sedemikian?

Jawapan: Perbuatan mereka ini menunjukkan bahawa mereka sebenarnya terlanggus taksud dengan kumpulan mereka sehingga sanggup membelakangkan ajaran Islam yang sebenar kerana ini adalah satu jenayah. Pembunuhan telah dilakukan, dan penyiksaan telah dilakukan dan tidak harus ada sesiapa khususnya orang Islam yang mempertahankan orang ini. Tetapi mereka mempertahankan orang ini kerana mereka sangat benci kepada kerajaan dan sanggup terima jenayah sekali pun asalkan jenayah itu ditujukan terhadap kerajaan.

Kita dapati cerdik pandai agama memberi pendapat bahawa ini bertentangan dengan ajaran Islam namun ada orang seperti imam-imam yang menyebarkan risalah yang mempertahankan perbuatan jenayah. Mereka masuk dalam golongan yang menghalalkan darah orang Islam lain yang mereka takrifkan sebagai tidak Islam. Ini penyelewengan yang amat besar, kerana kalau kita buat demikian masyarakat Islam akan berpecah kerana masing-masing menuduh orang itu tidak Islam dan orang ini tidak Islam.

Sebenarnya tidak ada hak bagi mereka untuk mengata bahawa kerajaan ini tidak Islam.

Soalan: Tidakkah satu kesalahan jenayah mempertahankan perbuatan jenayah yang lain.?

Jawapan: Memang ia merupakan suatu jenayah. Bahkan kalau kita ada bersama masa sesuatu jenayah itu berlaku kita akan dianggap sebagai "accomplice" (subahat). Ini bermakna bahawa kita juga melakukan jenayah itu dan kerajaan akan mendakwa kalau didapati oleh pendakwa raya orang yang mempertahankan jenayah ini sebenarnya melakukan jenayah.

Soalan: Kita telah tengok sekarang terang-terang sudah ada orang melakukan ini dan belum ada lagi sebarang tindakan diambil. Ini menghantar satu signal, satu mesej yang salah kepada orang ramai.

Jawapan: Saya berdukacitalah kalau kita terlambat. Saya fikir bahawa Peguam Negara dan polis tentu akan mengambil tindakan apabila mereka mendapat...mereka perlu mengikut langkah tertentu kerana kalau tersilap langkah maka itu akan dijadikan kesalahan teknik dan mahkamah akan membuang kes. Sebab itu polis berhati-hati apabila membuat sesuatu, mereka mestilah mengikut peraturan supaya bila dibicara dalam mahkamah tidak terjadi dibuang kes kerana "technical error". Kita lihat banyak kes sekarang ini dibuang kerana "technical error". Kerajaan tidak berdiam diri tetapi kita terpulung kepada pegawai-pegawai yang mengambil tindakan.

Soalan: Mereka sekarang sudah dalam tahanan polis, tentu mereka akan diadili. Bila agaknya proses pengadilan akan berlaku?

Jawapan: Saya ingat pihak pendakwa raya dan polis sedang mengumpul segala bukti yang jelas kerana kes ini mesti dikemukakan kepada mahkamah dengan cukup lengkap kerana jika tidak lengkap maka akan ada peguambela yang berjaya menimbulkan "reasonable doubt" iaitu ada alasan tak cukup bukti dan dengan itu orang ini akan terlepas. Kerana itu sebelum pergi ke mahkamah pihak polis dan pendakwa raya mestilah mendapat semua bukti untuk menentukan kes ini mempunyai asas dan diterima oleh mahkamah.

Soalan: Kalau dibiarkan berterusan politik membenci apakah akibatnya terhadap keselamatan negara?

Jawapan: Politik membenci ini pada mulanya mungkin tak ramai yang membenci tetapi dengan dipupuk setiap hari oleh guru, orang politik, guru tadika, guru sekolah dan pensyarah universiti sengaja memupuk perasaan benci...mereka cuma menerima kebencian. Sudah naluri manusia, bila dia benci dia tak fikir lagi.

Ini kita balik kepada zaman jahiliah, kita tahu kabilah-kabilah Arab suka berperang sesama sendiri kerana mereka benci antara satu dengan yang lain. Kebencian ini berpunca daripada kejadian yang mungkin tiga empat generasi dahulu.

Kita sudah sampai ke tahap itu iaitu ada kumpulan-kumpulan tertentu yang benci kepada kerajaan dan tidak mahu mendengar apa-apa penjelasan. Hanya perasaan benci. Walau apapun keterangan yang kita buat mereka tolak kerana (kita) ini adalah Firaun, (kita) ini adalah maha zalim dan sebagainya.

Soalan: Jika sudah sampai ke tahap itu, apa langkah lanjut kerajaan yang lebih sistematik dan teratur untuk hadapi kempen politik benci?

Jawapan: Kita perlu kepada penerangan yang bertalu-talu. Mungkin kita tidak dapat menawan fikiran semua sekali. Mungkin ada sebilangan yang akan terima penjelasan, kita akan mendekati mereka dan bercakap dengan mereka dari awal lagi. Mungkin daripada sekolah, bahkan kalau kita dapati kindergarten digunakan untuk (pupuk) membenci kerajaan, kita akan bertindak

terhadap orang yang mengurus kindergarten itu dan kita akan cuba kenal pasti cara-cara yang digunakan.

Umpamanya sekarang ini sudah ada usaha untuk bahagikan orang Melayu kepada dua dengan menggunakan pakaian sebagai identiti. Baru-baru ini saya dapati bahawa orang yang bencikan kerajaan pakai kopiah putih, sesiapa yang pakai kopiah hitam dianggap sokong kerajaan, dianggap orang yang sokong kerajaan. Mereka itu hendaklah dipulaukan. Dengan itu timbul ketakutan sehingga mereka terpaksa mengikut kumpulan itu.

Orang Melayu memang sejak dahulu pakai kopiah hitam, seolah-olah sudah menjadi identiti bangsa kita, tetapi sekarang usaha ini sudah berjaya pecahkan orang Melayu kepada dua iaitu satu yang kopiah putih dan satu yang kopiah hitam. Dahulu pun kita pakai juga kopiah putih tetapi bukan dengan niat membahagikan kita. Cuma setengah orang pakai kopiah putih kerana dia warak, kerana dia menjadi lebai dan guru umpamanya tetapi sekarang ini... ini menyebabkan orang yang pakai kopiah putih ni sukar didekati. Apabila kita mendekati untuk memberi penjelasan, mereka tidak begitu sanggup menerima dan ada kumpulan yang menyekat orang lain daripada berjumpa dengan orang itu.

Soalan: Kempen benci kerajaan ini, ada atau tidak dilakukan dalam kerajaan sendiri dan agensi-agensi kerajaan?

Jawapan: Sebenarnya kita dah isytiharkan kita nak menerapkan nilai-nilai Islam dalam kerajaan. Dengan itu pegawai dan kakitangan kerajaan mengadakan syarahan-syarahan agama, tetapi mereka dalam pada itu bukan menekankan tentang nilai-nilai Islam yang murni seperti beramanah, bertanggungjawab, berpegang kepada janji, ikrar dan sebagainya. Sebaliknya mereka menumpukan sedikit sebanyak kepada bagaimana menunaikan fardu ain dan ajaran-ajaran Islam. Kemudian daripada itu mereka langsung kepada membuat tuduhan kerajaan ini tidak Islam. Kenapa tidak Islam? Kerana tidak melaksanakan hukum hudud. Daripada itu mereka meningkat kepada tahap yang mana mereka betul-betul berkempen menentang kerajaan dan menyokong pembangkang.

Sekarang ini terdapat di kalangan pegawai kerajaan termasuk tentera dan polis yang sudah terperangkap dengan ini. Mereka menganggap kerajaan ini tidak Islam dan mereka tidak perlu berpegang kepada janji mereka dan sebaliknya harus berusaha menjatuhkan kerajaan.

Ini dilakukan kerana kita dengan niat baik ingin mengembangkan nilai-nilai Islam di kalangan pegawai-pegawai kerana kita percaya benar kalau kita berpegang kepada nilai Islam nescaya kerajaan ini akan menjadi kerajaan yang cukup kuat, cukup kukuh dan boleh memajukan umat Islam. Tetapi mereka sudah tukar perkara ini dan ia menjadi satu usaha untuk memburukkan kerajaan dan menentang kerajaan.

Soalan: Apakah yang akan dibuat sekarang untuk membetulkan balik keadaan supaya mereka kembali?

Jawapan: Sekarang ini kita melarang kelas-kelas syarahan ini kerana ia bukan lagi syarahan agama, ia sudah menjadi syarahan politik. Yang diharamkan ialah syarahan politik, bukan syarahan agama.

Kita akan adakan syarahan-syarahan agama secara tersusun di masa kerja, mungkin dalam dua minggu sekali, akan ada syarahan agama sebenar berkenaan fardu ain, fardu kifayah, tafsiran quran, apa yang ada kaitan dengan tugas mereka. Syarahan berbentuk politik tidak akan diadakan.

Soalan: Orang tertarik mendengar ceramah agama di pihak yang satu lagi. Ceramah yang diadakan pihak kerajaan kurang mendapat sambutan. Itu satu masalah asas yang perlu dibetulkan dulu.

Jawapan: Itu memang, manusia suka dengar syarahan benda-benda yang memburukkan orang lain kerana ia dapat (memberi mereka) apa yang dikatakan

oleh Mat Salleh "feel good". Bila kita nampak orang lain buruk kita berasa kita lebih baik. Jadi sebab itu mereka suka mendengar syarahan seperti ini. Sebaliknya kalau kita bersyarah untuk memperbaiki dia... itu tidak diminati.

Sebab itu kadang-kadang kita berasa kecewa melihat begitu ramai orang suka dengar syarahan yang betul-betul mengembangkan fitnah dan pembohongan. Berkali-kali orang tu bohong hari ini, esok dia cerita lain, orang percaya lagi.

Umpamanya, saya jatuh kuda di Argentina. Dulu ada disebut bahawa saya ada kahwin seorang perempuan Cina dari Singapura. Sekarang orang tahu ini tidak benar tetapi orang itu cerita lagi sekali, diterima juga, seronok nak dengar keburukan orang.

Soalan: Apa iktibar yang boleh kita pelajari dari Sauk?

Jawapan: Yang pertamanya, kita sudah tahu keburukan akan berlaku dengan menyebarkan fitnah dengan menimbulkan perasaan benci dan marah kepada kerajaan. Kita sudah sebut berkali-kali dan kini ianya telah berlaku iaitu ada orang yang terpengaruh dengan perasaan ini sehingga sanggup membunuh dan menyeksa orang.

Pelajaran yang kita dapati ialah kita tidak boleh benarkan sesuatu itu diteruskan sedangkan kita tahu ia akan membawa keburukan. Kita awal-awal lagi berkata pemupukan perasaan benci ini semata-mata untuk mendapatkan sokongan untuk diri kita tidak baik. Penyalahgunaan agama, penyalahafsiran agama dengan berkata bahawa kalau buat ini boleh pergi ke syurga dan sebagainya, ini semua memang tak baik, dan kita melarang tetapi kita dapati ramai yang tidak mahu terima apa yang kita kata.

Pelajaran yang kita dapat ialah kita perlu mendengar benda yang benar dan patuh kepada yang benar. Kalau Islam berkata kita perlu sederhana, tidak paksa, tidak boleh bertindak ganas terhadap orang, tidak boleh mencetuskan huru-hara, kita patut pegang kepada ajaran Islam.

Yang menjadi masalah ialah ramai yang bercakap mengenai Islam tetapi tidak patuh kepada ajaran Islam.

Soalan: Tidakkah kerajaan mahu mengadakan keutamaan bagi pendidikan sains sosial kerana kecenderungan kepada sains dan teknologi menyebabkan kita mengabaikan sains sosial. Sama ada kerajaan akan meminta ahli-ahli sosial sains mengadakan peningkatan penyelidikan sains sosial terhadap perkara seperti ini?

Jawapan: Saya bersetuju supaya kita adakan kajian secara terasing, kita tidak terlibat... cuma memegang kepada fakta-fakta sahaja, untuk mengetahui apa sebenarnya telah berlaku, apakah pemikiran yang membawa kepada kejadian seperti ini. Tetapi kajian seperti ini hendaklah bertujuan untuk memberi panduan kepada kita.

Kita memberi tempat juga kepada mereka yang mempelajari sains sosial kerana kita ingin tahu bagaimana menangani masalah-masalah dalam masyarakat kita. Tanpa kajian oleh orang yang tidak terlibat secara langsung, kita mungkin dapati pandangan yang mirip kepada orang yang menulis. Umpamanya dia menulis untuk parti, maka pandangannya dipengaruhi oleh partinya dan ini tidak lagi merupakan apa yang benar.

Jadi (ahli) akademik punya role memang perlu diadakan dalam perkara ini.

-- BERNAMA
MNY ZS NMO